

21/06/2003

`Pak Lah lebih arif pilih calon timbalan `

TIMBALAN Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak perlu diajar mengenai siapa yang akan dipilih untuk memegang jawatan nombor dua dalam parti dan kerajaan, kata Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Sebaliknya, Muhyiddin berkata, Abdullah akan menggunakan pengalaman dan kebijaksanaannya untuk memilih siapa yang dirasakan sesuai.

"Saya fikir Pak Lah akan pasti ikut tradisi pemilihan dalam Umno (iaitu memilih timbalan presiden daripada tiga naib presiden yang sedia ada). Keputusan itu yang patut dibuat (Pak Lah)," katanya ketika mengadakan lawatan ke pusat akhbar, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya ada kemungkinan Abdullah boleh memilih `orang luar' selain tiga Naib Presiden Umno.

Muhyiddin berkata, biarpun saranan Presiden, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya tidak wujud sebarang pertandingan dalam parti, namun perlembagaan Umno tidak perlu dipinda.

"Saya rasa tidak perlu ubah kerana ia hanya memerlukan persetujuan bersama. Kita boleh duduk dan berbincang perkara ini kerana apa yang penting ialah kekuatan dan maruah parti," katanya.

Beliau berkata, saranan Dr Mahathir supaya tidak ada pertandingan bukan saja tertumpu kepada peringkat pemimpin tertinggi dalam parti, malah ia membabitkan semua jawatan.

Kelmarin, Dr Mahathir berkata, perwakilan Perhimpunan Agung Umno kali ini jelas menentang perbalahan yang mungkin berlaku menjelang pemilihan parti tahun depan.

Berikutan itu, kata Dr Mahathir, sudah timbul `mood' dalam parti menentang sebarang bentuk perbalahan yang hanya akan menyebabkan Umno menjadi lemah.

Terdahulu, ketika ditemui di luar dewan persidangan, Muhyiddin meminta semua ahli Umno menghentikan spekulasi mengenai pilihan Abdullah bagi jawatan nombor dua.

Beliau berkata, biar Abdullah membuat pilihan itu tanpa dipengaruhi mana-mana pihak kerana ia adalah hak Abdullah selepas memikul tugas sebagai pemimpin nombor satu di negara ini.